



**SEKSYEN KESELAMATAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
(NRES).**

**ARAHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN
PENGARAH INSTUN
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEBENARAN
KONTRAKTOR MENJALANKAN KERJA**

1. TUJUAN

Garis panduan pengurusan kebenaran kontraktor menjalankan kerja adalah bertujuan untuk melaksanakan proses dokumentasi rasmi kawalan dan pemantauan:

- 1.1 Pergerakan keluar dan masuk kontraktor dan pekerjaanya yang hendak menjalankan kerja;
- 1.2 Syarikat yang dilantik untuk menjalankan kerja;
- 1.3 Tarikh, masa mula/ tamat dan lokasi pelaksanaan kerja;
- 1.4 Ringkasan maklumat kerja-kerja yang dilaksanakan; dan
- 1.5 Wakil pentadbir atau penyelia yang dipertanggungjawabkan bagi memantau kontraktor bersama pekerja-pekerjanya yang menjalankan kerja di dalam kawasan perimeter Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam (NRES).

2. LATAR BELAKANG

Kebenaran kontraktor menjalankan kerja adalah prosedur rasmi dengan memastikan bahawa hanya kontraktor bersama pekerja-pekerja dari syarikatnya yang mempunyai kelulusan dan kebenaran menjalankan kerja sahaja adalah dibenarkan masuk di

INSTUN bagi urusan yang dimaksudkan. Ia juga merujuk kepada dokumen rasmi Kerajaan yang diakaunkan melalui permohonan yang dikemukakan lima (5) hari sebelum sebarang pelaksanaan kerja dilakukan di mana senarai lengkap pekerja-pekerja beserta Borang Kebenaran Kontraktor Menjalankan Kerja, surat rasmi yang mengandungi butiran ringkasan kerja serta salinan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan kepada wakil pentadbir atau penyelia yang dipertanggungjawabkan. Selanjutnya, dokumen ini akan diserahkan kepada Seksyen Keselamatan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, INSTUN.

3. OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini diwujudkan adalah untuk memberi panduan serta kefahaman kepada wakil pentadbir atau penyelia yang dipertanggungjawabkan, tindakan yang perlu diambil sebelum memulakan kerja di INSTUN. Surat rasmi/ memo dalaman perlu dikepikan bersama-sama dengan Borang Kebenaran Kontraktor Menjalankan Kerja. Tujuan menyediakan surat rasmi yang disertakan dengan Borang Kebenaran Kontraktor Menjalankan Kerja adalah untuk meningkatkan integriti dalam pengurusan keselamatan perlindungan sebelum pelaksanaan kerja atau projek di INSTUN dijalankan. Justeru itu, menjadi tanggungjawab wakil pentadbir atau penyelia yang dipertanggungjawabkan dan kontraktor yang dilantik untuk menyenaraikan secara lengkap maklumat dan salinan dokumen berkaitan yang diperlukan sepertimana yang disyaratkan. Majikan atau kontraktor adalah bertanggungjawab untuk melampirkan bersama; salinan kad pengenalan bagi pekerja wargenegara

manakala passport dan Visa Dengan Rujukan (VDR) sekiranya menggajikan pekerja bukan warganegara. Walaubagaimanapun penggunaan pekerja bukan warganegara adalah tidak digalakkan dan perlu mendapatkan persetujuan daripada Pengarah atau Pendaftar INSTUN. Borang Kebenaran Kontraktor Menjalankan Kerja perlu dilampirkan bersama dengan salinan-salinan dokumen yang lengkap dan mencukupi untuk proses saringan dan semakan awal. Proses mengakaunkan dokumen rasmi ini adalah penting sebagai rujukan kerana:

3.1 Pengesahan identiti dan kredibiliti

Maklumat pemohon yang lengkap membolehkan penyelia projek atau pihak yang berkenaan mengenal pasti kontraktor secara tepat. Ini termasuk memastikan kontraktor yang hendak menjalankan kerja-kerja di INSTUN mempunyai kebenaran yang sah untuk masuk ke dalam perimeter INSTUN. Ini penting untuk mengelakkan penyalahgunaan atau penipuan.

3.2 Pematuhan kepada peraturan dan undang-undang

Melengkapkan maklumat pemohon dengan tepat membolehkan pemeriksaan dilakukan sekiranya diperlukan. Pihak yang berkenaan juga dapat menentukan bahawasanya kontraktor tersebut telah mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang terpakai seperti peraturan keselamatan, menggunakan

sumber tenaga kerja yang sah dan mematuhi prosedur-prosedur perundangan yang betul.

3.3 Pengawasan dan pemantauan yang lebih mudah

Maklumat permohonan yang lengkap dengan disertakan bersama lampiran seperti salinan kad pengenalan, passport dan Visa Dengan Rujukan (VDR) memudahkan pihak pengurusan INSTUN sekiranya pihak berkuasa berkehendakan untuk menjalankan pemeriksaan ke atas pekerja-pekerja yang berkenaan.

3.4 Penyelarasan dengan pihak berkepentingan

Memudahkan komunikasi dan koordinasi dengan pihak berkepentingan lain, seperti penyelia projek, jurutera, dan pihak berkuasa.

3.5 Maklumat yang tepat

Dengan memberikan maklumat yang tepat, kontraktor dapat mengelakkan sebarang masalah undang-undang atau pertikaian dengan pihak berkuasa atau pelanggan, kerana semua maklumat yang diperlukan telah didokumenkan dengan jelas dan sah.

4. STRATEGI KAWALAN PENGURUSAN KEBENARAN KONTRAKTOR MENJALANKAN KERJA

Langkah-langkah keselamatan perlindungan yang perlu diambil oleh jabatan hendaklah menepati keperluan ancaman keselamatan yang dihadapinya sama ada ancaman dalaman ataupun luaran. Tadbir urus keselamatan perlindungan adalah bergantung kepada kerjasama pelbagai pihak. Kontraktor adalah dibenarkan untuk menggunakan tenaga kerja asing dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan. Walaubagaimanapun, kebenaran yang diberikan adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Berikut adalah pengesyoran beberapa langkah dan syarat yang perlu dipatuhi

4.1 Pendaftaran dan Permit Kerja

Kontraktor perlu mendaftarkan pekerja asing dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan memastikan pekerja memiliki Kad Personel Binaan (Kad Hijau). Pekerja asing mesti memiliki permit kerja yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

4.2 Pematuhan Terhadap Akta dan Peraturan

Kontraktor mesti mematuhi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) dan peraturan lain yang berkaitan dengan

pengurusan pekerja asing. Pekerja asing yang bekerja di tapak bina mesti mempunyai permit kerja yang sah

4.3 Sistem CIDBH – iENTRY

Sistem ini memastikan pemantauan dan pengurusan pekerja asing berkemahiran dalam sektor pembinaan, termasuk pendaftaran melalui sistem biometrik dan pemantauan kebajikan serta penginapan mereka.

Bagi kontraktor asing, pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah wajib sebelum memohon lesen dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh CIDB. Penting untuk memastikan semua pekerja asing memiliki dokumen yang sah dan mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan undang-undang.

Untuk maklumat lanjut, kontraktor boleh merujuk kepada laman web Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)

5. DASAR DAN PERUNDANGAN

5.1 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]

- i. Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] adalah undang-undang yang mengawal masuk dan keluar seseorang dari negara.

- ii. Akta ini mengandungi peraturan yang berkaitan dengan perjalanan ke luar dan masuk ke dalam negara, syarat-syarat visa, syarat-syarat pekerja asing dan pengawasan imigresen. Akta ini juga mengandungi peraturan berkaitan dengan pengharaman masuk ke negara, pengusiran dan penahanan warga asing.
- iii. Di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155], seseorang yang ingin masuk ke dalam negara perlu mempunyai dokumen perjalanan yang sah seperti pasport. Pasport tersebut perlu dikeluarkan oleh kerajaan yang berkuasa dan masih sah pada tarikh perjalanan. Peraturan-peraturan lain seperti visa dan surat sokongan juga perlu dipatuhi oleh individu yang ingin memasuki negara.
- iv. Undang-undang ini sangat penting untuk memastikan keselamatan dan keselamatan negara serta mengawal perjalanan ke luar dan masuk ke dalam negara. Setiap individu perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah undang-undang ini

Kesalahan Melindungi atau Menggaji PATI atau membenarkan PATI dalam Premis

Seksyen 55 B, Akta Imigresen 1959/63.

Mengambil pekerja satu atau lebih orang selain daripada warganegara atau pemegang Permit Masuk yang tidak memiliki suatu Pas yang sah.

Hukuman

- i. Denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap orang pekerja yang diambil; dan
- ii. Pada masa yang sama mengambil pekerja lebih dari 5 orang dikenakan penjara tidak kurang 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.

Seksyen 56 (1) (d), Akta Imigresen 1959/63

Dengan sengaja memberi perlindungan kepada mana-mana orang yang diketahuinya telah melanggar peruntukan Akta.

Hukuman:

Denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000. Sekiranya lebih daripada 5 orang boleh dikenakan penjara tidak kurang 6 bulan tetapi tidak lebih 5 tahun dan boleh dikenakan tidak lebih 6 sebatan.

Seksyen 55 E, Akta Imigresen 1959/63

Mana-mana orang yang membenarkan mana-mana Pendatang Tanpa Izin (PATI) memasuki atau tinggal di dalam premis yang ianya mempunyai kepentingan sebagai penyelia atau menguruskan atau mempunyai kawalan ke atas mana-mana premis tersebut.

Hukuman:

Denda tidak kurang RM5,000 tetapi tidak lebih RM30,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap Pendatang Tanpa Izin. Bagi kesalahan kedua, denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

5.2 Akta Kerja 1955 [Akta 265]

- i. Akta Kerja 1955 [Akta 265] merupakan undang-undang perburuhan utama yang mengawal selia hubungan di antara majikan dan pekerja di sektor swasta dan menetapkan perlindungan serta faedah minimum kepada pekerja.
- ii. Akta ini mula dikuat kuasa pada tahun 1957 oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan kali terakhir dipinda pada tahun 2012. Sehubungan dengan itu, pindaan terkini dilaksanakan

pada tahun 2022 selaras dengan perkembangan semasa dalam pasaran buruh dan ekonomi negara.

- iii. Dalam proses melaksanakan pindaan terhadap Akta 265, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan khususnya majikan, pekerja, kesatuan sekerja, pertubuhan majikan, pertubuhan pekerja dan agensi kerajaan sejak tahun 2015.
- iv. Seterusnya, Rang Undang-Undang (RUU) Kerja (Pindaan) 2021 digubal dan melalui proses di peringkat Parlimen iaitu kelulusan di Dewan Rakyat pada 23 Mac 2022, kemudian kelulusan di Dewan Negara pada 30 Mac 2022 sebelum mendapat perkenan Yang Di-Pertuan Agong pada 26 April 2022.
- v. RUU ini diwartakan pada 10 Mei 2022 dan tarikh kuatkuasa ditetapkan mulai 1 Januari 2023 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Majikan bertanggungjawab melaporkan penggajian pekerja asing atau pekerja domestik asing sepertimana kehendak Seksyen 57A (1) dan Seksyen 60 K, Akta Kerja 1955 [Akta 265]

Hukuman:

Kegagalan mendapatkan kelulusan JTKSM di bawah Seksyen 60 K, adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 60

K (5), Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.

6. TATACARA PENGURUSAN PERMOHONAN KEBENARAN KONTRAKTOR MENJALANKAN KERJA

6.1 Surat rasmi/ memo dalaman

- i. Menyediakan satu surat rasmi/ memo dalaman.
Contoh isi kandungan surat rasmi/ memo dalaman adalah seperti di Lampiran 1
- ii. Surat rasmi/ memo dalaman, Borang **KESELAMATAN/ MENJALANKAN KERJA/ 03.2025** serta dikepilkan bersama satu (1) salinan kad pengenalan/ passport dan visa dengan rujukan (VDR) atau dokumen-dokumen pengenalan diri yang bersesuaian hendaklah dimajukan kepada alamat berikut:

Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
(NRES)

Behrang, 35950 Tanjong Malim,

Perak Darul Ridzuan, Malaysia

(u.p: Seksyen Keselamatan, INSTUN)

- iii. Dokumen rasmi berkenaan hendaklah diterima Seksyen Keselamatan, INSTUN **sekurang-kurangnya lima (5)** hari sebelum tarikh mula kerja

6.2 Borang **KESELAMATAN/ MENJALANKAN KERJA/ 03.2025:**

- i. Borang hendaklah lengkap dan disahkan pada ruangan **Bahagian A- MAKLUMAT PEMOHON, Bahagian B- PENGESAHAN PEMOHON/ WAKIL KONTRAKTOR YANG MENJALANKAN KERJA** dan **Bahagian C- PENGESAHAN KETUA BAHAGIAN/ PEGAWAI PENYELIA PROJEK**
- ii. Pengesahan penerimaan borang kebenaran kontraktor menjalankan kerja oleh seksyen keselamatan di Bahagian D hanya dibuat apabila pemohon mengemukakan surat rasmi/ memo dalaman dan disertakan bersama salinan kad pengenalan/ passport dan Visa Dengan Rujukan (VDR) sekiranya pekerja bukan warganegara;
- iii. Bagi tujuan menggunakan tenaga kerja bukan warganegara, sokongan daripada Pengurus Projek dan persetujuan daripada Pengarah/ Pendaftar INSTUN perlu diperolehi oleh Seksyen Keselamatan terlebih dahulu sebelum sebarang

maklumbalas kebenaran menjalankan kerja diberikan kepada pemohon; dan

- iv. Kegagalan pemohon menyedia dan melengkapkan perkara seperti yang dinyatakan menyebabkan urusan kemasukan kontraktor dan kerja-kerja kontraktor/ pembinaan dihalang. Kelewatan dan kegagalan dalam menyiapkan kerja-kerja kontrak/ pembinaan adalah tanggungjawab pemohon.

7. PUNCA KUASA DI BAWAH PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

7.1 Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)

- i. Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) **Perenggan 4**, menyatakan bahawa Langkah-langkah keselamatan perlindungan yang dilaksanakan mungkin melibatkan kos dan mempunyai kesan terhadap organisasi. Walaupun langkah-langkah keselamatan perlindungan yang dipersetujui diambil tidak banyak beza dengan keputusan pentadbiran yang lain, namun ia perlu dirumuskan berasaskan fakta sebenar, kewangan, perundangan, amalan terbaik dan penilaian risiko sebenar. Langkah-langkah keselamatan perlindungan yang perlu diambil hendaklah menepati tahap penilaian risiko berdasarkan

peruntukan perenggan 31 hingga 37 Arahan ini;
dan

- ii. Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) **Perenggan 31**, menerangkan bahawa Setiap Ketua Jabatan bertanggungjawab sepenuhnya mengenai keselamatan di jabatannya. Beliau hendaklah mengambil langkah keselamatan perlindungan menurut peruntukan-peruntukan dalam Arahan ini supaya rahsia rasmi dan perkara rasmi yang ada di jabatan dikawal dengan sempurna pada setiap masa. Beliau juga bertanggungjawab menentukan supaya laporan keselamatan disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan apabila dikehendaki.

7.2 Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2021: Meningkatkan Kualiti Dan Tadbir Urus Keselamatan Perlindungan Di Jabatan-Jabatan Kerajaan;

7.3 Seksyen 55 B, Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]

Mengambil pekerja satu atau lebih orang selain daripada warganegara atau pemegang Permit Masuk yang tidak memiliki suatu Pas yang sah;

7.4. Seksyen 56 (1) (d), Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]

Dengan sengaja memberi perlindungan kepada mana-mana orang yang diketahuinya telah melanggar peruntukan Akta;

7.5 Seksyen 55 E, Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]

Mana-mana orang yang membenarkan mana-mana Pendatang Tanpa Izin (PATI) memasuki atau tinggal di dalam premis yang ianya mempunyai kepentingan sebagai penyelia atau menguruskan atau mempunyai kawalan ke atas mana-mana premis tersebut

7.6 Seksyen 60 K, Akta Kerja 1955 [Akta 265]

Akta Kerja 1955 [Akta 265] yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023 memperuntukkan kewajiban majikan untuk mendapatkan kelulusan *Awal (prior approval)* sebelum ingin menggajikan pekerja asing. Pekerja asing dalam konteks ini merujuk kepada semua pekerja bukan warganegara mengikut definisi Seksyen 2 Akta 265.

Pemakaian Seksyen 60 K, Akta Kerja 1955 [Akta 265] adalah seperti berikut

- i. Terpakai kepada pengambilan pekerja bukan warganegara baharu;

- ii. Tidak terpakai untuk pembaharuan Pas Penggajian / Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) atau lain-lain pas;
- iii. Diwajibkan kepada semua majikan tanpa adanya pengecualian walaupun bagi jawatan yang diberi pengecualian pengiklanan oleh PERKESO; dan
- iv. Kelulusan ini diberikan kepada majikan.

Permohonan kelulusan awal Seksyen 60 K, Akta Kerja 1955 [Akta 265] bagi semua jenis/kategori pekerja bukan warganegara hendaklah dibuat menerusi Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx)

- 7.7 Surat-surat Pekeliling Keselamatan yang berkuatkuasa bagi dipatuhi diambil tindakan pencegahan, pembetulan dan penambahbaikan secara berterusan.

LAMPIRAN 1

CONTOH ISI KANDUNGAN SURAT RASMI/ MEMO DALAMAN

Tuan/Puan,

PERMOHONAN KEBENARAN KONTRAKTOR MENJALANKAN KERJA

Saya merujuk kepada perkara di atas. Dengan ini, saya memohon untuk mendapatkan kebenaran bagi menjalankan kerja pembinaan [nyatakan jenis kerja] di [alamat lokasi projek]. Sehubungan dengan itu, saya lampirkan **Borang Kebenaran Kontraktor Menjalankan Kerja** yang telah lengkap diisi bersama dokumen sokongan yang diperlukan.

2. Butiran projek adalah seperti berikut:

- 2.1 **Nama Kontraktor:** [Nama Kontraktor]
- 2.2 **Alamat Pejabat:** [Alamat Pejabat Kontraktor]
- 2.3 **No. Lesen Kontraktor:** [No. Lesen]
- 2.4 **Jenis Kerja:** [Jenis Kerja Pembinaan]
- 2.5 **Lokasi Tapak Projek:** [Lokasi Tapak Projek]
- 2.6 **Tempoh Projek:** [Tempoh Projek]
- 2.7 **Tarikh Mula Kerja:** [Tarikh Mula]
- 2.8 **Anggaran Kos Projek:** [Kos Projek]
- 2.9 **Bilangan Pekerja:** [Bilangan Pekerja]

3. Bersama-sama ini juga disertakan salinan dokumen berikut untuk rujukan tuan/puan:

3.1 Salinan Kad Pengenalan Pemohon

3.2 Salinan kad pengenalan/ passport dan visa dengan rujukan (VDR)

- sekiranya menggunakan pekerja bukan warganegara

4. Saya berharap permohonan ini dapat diproses dan kami akan berusaha mematuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan sepanjang pelaksanaan projek ini.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau maklumat tambahan yang diperlukan, tuan/puan boleh menghubungi saya di [no. telefon] atau melalui emel [alamat emel].

Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

[Tandatangan]

[Nama Penuh Kontraktor]

[Jawatan]

[No. Kad Pengenalan]

LAMPIRAN 2

CONTOH PENGGUNAAN FORMAT MINIT BEBAS UNTUK SOKONGAN PENGURUS PROJEK DAN DIPERSETUJUI PENGARAH/ PENDAFTAR INSTUN SEKIRANYA MENGUNAKAN TENAGA KERJA BUKAN WARGANEGARA

Rujukan kami: INSTUN - XXX- XXXXX (XX) ULASAN PENGURUS PROJEK MENAIKTARAF DAN MODENISASI BANGUNAN ANJUNG (P230330302300008) INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM ☐ Menyokong memberikan kebenaran kepada Syarikat ABCDEF SDN BHD bagi menjalankan kerja-kerja Menaiktaraf Dan Modenisasi Bangunan Anjuna (P230330302300008) dengan menggunakan tenaga kerja seperti mana yang dinyatakan dalam permohonan yang dikemukakan oleh pihak syarikat bertarikh XX YYYY 2025 ☐ Tidak menyokong memberikan kebenaran kepada Syarikat ABCDEF SDN BHD bagi menjalankan kerja-kerja Menaiktaraf Dan Modenisasi Bangunan Anjuna (P230330302300008) dengan menggunakan tenaga kerja seperti mana yang dinyatakan dalam permohonan yang dikemukakan oleh pihak syarikat bertarikh XX YYYY 2025 ☐ Lain-lain keputusan Ulasan..... XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX (Jawatan hakiki Pengurus Projek) Institut Tanah Dan Ukur Negara Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam <th data-bbox="829 604 1360 1350"> Rujukan kami: INSTUN - XXX- XXXXX (XX) ULASAN PENGARAH MENAIKTARAF DAN MODENISASI BANGUNAN ANJUNG (P230330302300008) INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM ☐ Bersetuju memberikan kebenaran kepada Syarikat ABCDEF SDN BHD bagi menjalankan kerja-kerja Menaiktaraf Dan Modenisasi Bangunan Anjuna (P230330302300008) dengan menggunakan tenaga kerja seperti mana yang dinyatakan dalam permohonan yang dikemukakan oleh pihak syarikat bertarikh XX YYYY 2025 ☐ Tidak bersestuju memberikan kebenaran kepada Syarikat ABCDEF SDN BHD bagi menjalankan kerja-kerja Menaiktaraf Dan Modenisasi Bangunan Anjuna (P230330302300008) dengan menggunakan tenaga kerja seperti mana yang dinyatakan dalam permohonan yang dikemukakan oleh pihak syarikat bertarikh XX YYYY 2025 ☐ Lain-lain keputusan Ulasan..... KHAIRIN NAZRY BIN KARIM Pengarah Institut Tanah Dan Ukur Negara Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam </th>	Rujukan kami: INSTUN - XXX- XXXXX (XX) ULASAN PENGARAH MENAIKTARAF DAN MODENISASI BANGUNAN ANJUNG (P230330302300008) INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM ☐ Bersetuju memberikan kebenaran kepada Syarikat ABCDEF SDN BHD bagi menjalankan kerja-kerja Menaiktaraf Dan Modenisasi Bangunan Anjuna (P230330302300008) dengan menggunakan tenaga kerja seperti mana yang dinyatakan dalam permohonan yang dikemukakan oleh pihak syarikat bertarikh XX YYYY 2025 ☐ Tidak bersestuju memberikan kebenaran kepada Syarikat ABCDEF SDN BHD bagi menjalankan kerja-kerja Menaiktaraf Dan Modenisasi Bangunan Anjuna (P230330302300008) dengan menggunakan tenaga kerja seperti mana yang dinyatakan dalam permohonan yang dikemukakan oleh pihak syarikat bertarikh XX YYYY 2025 ☐ Lain-lain keputusan Ulasan..... KHAIRIN NAZRY BIN KARIM Pengarah Institut Tanah Dan Ukur Negara Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam
--	---

ULASAN PENDAFTAR

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN
ALAM**

☐

Menyokong dengan Garis panduan pengurusan kebenaran kontraktor menjalankan kerja

☐

Tidak menyokong dengan Garis panduan pengurusan kebenaran kontraktor menjalankan kerja

☐

Lain-lain keputusan

Ulasan :

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....
WAN NADIRAH BINTI WAN YAHEYA @ W YAHYA

Pendaftar

Institut Tanah Dan Ukur Negara

Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam

ULASAN PENGARAH

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

☐

Menyokong dengan Garis panduan pengurusan kebenaran kontraktor menjalankan kerja

☐

Tidak menyokong dengan Garis panduan pengurusan kebenaran kontraktor menjalankan kerja

☐

Lain-lain keputusan

Ulasan :

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....
KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

Pengarah

Institut Tanah Dan Ukur Negara

Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam